

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

6

KHAMIS, 22 OKTOBER 2020 BH

26 daerah seluruh negara kategori Zon Merah

Kuala Lumpur: Sebanyak 26 daerah di seluruh negara dikategorikan sebagai Zon Merah dalam tempoh 14 hari, iaitu dari 7 hingga 20 Oktober lalu, menurut Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC), Kementerian Kesihatan (KKM).

Berdasarkan senarai diberikan CPRC, Sabah mencatatkan jumlah Zon Merah tertinggi dengan 16 daerah, manakala Selangor mencatatkan lima daerah, masing-masing dua daerah di Kedah (Kota Setar dan Pokok Sena) dan Pulau Pinang (Timur Laut dan Seberang Perai Selatan), manakala satu di Perak iaitu daerah Larut, Matang, Selama.

Memperincikan 16 daerah di Sabah itu, ia membabitkan daerah Lahad Datu, Kota Kinabalu, Sandakan, Tuaran, Kunak, Papar, Semporna, Tawau, Putatan, Penampang, Ranau, Beaufort, Kota Belud, Keningau, Tambunan dan Kudat.

Lima daerah di Selangor pula membabitkan Klang, Petaling, Hulu Langat, Gombak dan Kuala Langat.

Dari segi mukim di Kedah membabitkan mukim Kota Setar dan Gajah Mati; Pulau Pinang (Georgetown dan Mukim 6); Perak (Taiping); dan Selangor (Klang, Kapar, Sungai Buloh, Petaling, Damansara, Kajang dan Tanjung Dua Belas (1)).

Selain itu, mukim merah di Sabah antaranya membabitkan Bandar, Silabukan dan kawasan FELDA di Lahad Datu; Kota Kinabalu; Sandakan; Tuaran; Kunak (Pekan); Papar; Semporna; Tawau; Putatan; Penampang; Kota Belud; dan Kudat. BERNAMA

Nasional

Penularan COVID-19

KKM tingkat bantuan sokongan emosi, psikologi

Hilang kerja, bimbang dijangkiti wabak antara paling banyak aduan diterima

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Ilah Hafiz Aziz
bhnews@bharian.com.my

Kuala Lumpur: Masalah di tempat kerja, hilang pekerjaan dan bimbang dijangkiti wabak antara masalah paling banyak aduan daripada orang ramai kepada Talian Sokongan Psikososial, sejak 25 Mac lalu.

Talian sokongan diwujudkan Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MH-PSS) itu menerima 36,269 panggilan dan 50 peratus daripadanya adalah berkaitan keperluan sokongan emosi dan kaunseling.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sokongan emosi itu adalah berkaitan perasaan stres, bimbang, marah dan murung.

"Antara sebab mereka membuat panggilan disebabkan faktor sosial seperti hilang pekerjaan, tiada pendapatan, masalah hubungan, persepsi negatif orang sekeliling, bimbang kepada jangkitan dan masalah tempat kerja," katanya dalam satu kenyataan, di-



Dr Noor Hisham pada sidang media harian berkaitan jangkitan COVID-19 di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

si semalam.

Dr Noor Hisham berkata 14.7 peratus panggilan adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai COVID-19, isu rumah tangga/keganasan rumah tangga (8.8 peratus), keperluan asas/bantuan kewangan/sumbangan (6.8 peratus), aduan (3.3 peratus), masalah psikiatri (2.2 peratus) dan isu kesihatan (1.1 peratus).

Katanya, menyedari situasi semasa di Sabah, KKM mengambil tindakan mempertingkatkan liputan MHPSS khas untuk warga negeri itu, terutama kepada mereka yang memerlukan sokongan dalam krisis itu.

"Talian boleh diakses melalui nombor 088 338088 untuk membantu mereka yang memerlukan khidmat sokongan emosi dan

bantuan awal psikologi.

"KKM juga menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada anggota barisan hadapan di lapangan bagi mengenal pasti mereka yang mulai alami kelesuan minda dan membantu dari aspek kesihatan mental," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kurang pendidikan dan kefahaman terhadap wabak COVID-19 dalam kalangan kumpulan berisiko tinggi antara kekangan utama dihadapi petugas kesihatan untuk menjalankan saringan terhadap mereka di Sabah.

Katanya, masalah itu banyak berlaku terutama di kawasan yang jauh di pedalaman serta perkampungan air.

"Mereka (penduduk) kurang pemahaman berbanding pendu-

duk di Semenanjung. Kami berdepan isu apabila mahu menghantar mereka yang tidak bergejala tetapi didapati positif ke hospital.

"Kami juga melihat kepada isu keselamatan contohnya di kampung air. Justeru, kami perlu bekerjasama dengan pasukan polis dan tentera.

"Mereka enggan ke hospital kerana tidak bergejala atau menunjukkan kurang bergejala," katanya pada sidang akhbar harian, semalam.

Katanya, ada juga penduduk melarikan diri apabila nampak petugas kesihatan datang ke perkampungan mereka, memandangkan sempadan di kampung air adalah poros dan mudah ditembusi.

Kementerian Kesihatan (KKM) menggalakkan bekas pesakit COVID-19 mewujudkan kumpulan sokongan antara sesama mereka.

Katanya, ia bagus bagi membolehkan mereka berkongsi pengalaman dan cabaran yang dihadapi.

"Bagus mereka untuk berkumpul dan berkongsi pengalaman, contohnya bagaimana untuk mengatasi penyakit itu dan apa yang berlaku kepada mereka seperti keletihan mental atau stigma yang dihadapi sebagai pesakit," katanya.

KKM juga bersedia membantu kumpulan bekas pesakit itu dan memberi panduan yang diperlukan, selain memantau mereka bagi melihat apa komplikasi yang berkaitan dengan jangkitan dihadapi sebelum ini.

732 kes baharu, enam lagi kematian direkod

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) merekodkan 732 kes baharu COVID-19, enam kematian dan lapan kluster baharu, semalam.

Ini menjadikan menjadikan kes positif kini 22,957 manakala jumlah kes aktif dengan kebolehhangkitan sebanyak 7,827.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Sabah masih mencatat jumlah kes tertinggi, iaitu 535 dan lebih banyak ujian makmal Real-Time Reverse Transcription-Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) dijalankan.

"Secara keseluruhan, sebanyak 30 kes, semalam adalah daripada Kluster Penjara Seberang Perai, Kluster Penjara Kepadang, Kluster Tombok dan Penjara reman.

"Selangor mencatat pertamba-

han kes, 116 (semalam) dengan 49 kes adalah daripada kluster sedia ada manakala 11 kes kluster baharu," katanya pada sidang akhbar harian, semalam.

Katanya, kluster baharu berkaitan dengan sejarah perjalanan pulang dari Sabah. Ada lapan kes import dilaporkan membabitkan enam warganegara dan dua bukan warganegara.

"Tiga kes di Kuala Lumpur membabitkan warga Singapura, masing-masing satu kes membabitkan warga Nepal, Emiriah Arab Bersatu (UAE), Amerika Syarikat, United Kingdom dan Perancis," katanya.

Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham berkata, enam kematian di-laporkan semalam, iaitu lima di Sabah, manakala satu di Labuan. Ini menjadikan jumlah keseluru-

han yang meninggal akibat wabak itu kini 199 kes.

Kementerian Kesihatan (KKM) juga mengumumkan sebanyak 590 kes COVID-19 pulih semalam dengan jumlah kumulatif kes pulih sepenuhnya adalah 14,931 kes atau 65 peratus daripada keseluruhan kes.

Sabah mencatat 305 kes pulih, Pulau Pinang (169), Selangor (73), Kedah (19), Perak (tujuh), Terengganu (empat), Sarawak (dua) dan Negeri Sembilan (1).

Dr Noor Hisham berkata, KKM juga mendapati sebuah jeti nelayan di daerah Kudat, Sabah menjadi antara lapan kluster baharu dikenal pasti KKM, semalam.

Katanya, Kluster Basung membabitkan sebuah jeti nelayan di Kudat dengan 19 kes didapati po-

stif COVID-19, selepas program saringan bersasar dilakukan terhadap individu yang terlibat dalam perniagaan ikan di daerah itu.

"Sehingga semalam, sejumlah 174 individu disaring dan 148 daripada mereka negatif, manakala tujuh lagi masih menunggu keputusan.

"Di daerah sama, KKM juga mengenal pasti Kluster Inai selepas saringan terhadap individu bergejala pada 14 Oktober lalu dan mengenal pasti tujuh lagi kes positif.

"Kluster Tempayan membabitkan daerah Kota Kinabalu dan Penampang yang mengenal pasti seramai 19 kes positif," katanya.

Bagi Kluster Long pula membabitkan daerah Hulu Langat, Selangor, Titiwangsa, Lembah Pan-

tai dan Kepong, Kuala Lumpur.

"Kes indeks dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh dan saringan kontak mengenal pasti seramai 17 lagi positif COVID-19.

"Kluster Cahaya dikesan di daerah Petaling dan Tampin, Negeri Sembilan membabitkan 18 kes positif.

"Kluster Bah Kota di Sepang, Seremban membabitkan 10 kes positif manakala Kluster Melati di Titiwangsa dan Klang pula sembilan kes positif," katanya.

Di Labuan, Noor Hisham turut menyatakan satu Kluster Bina Labuan pula dikesan dengan kes indeks meringgal pada hari yang sama dikesan di Hospital Labuan.

"Lima kes positif susulan saringan KKM terhadap 60 individu," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : COVID-19

2

www.hmetro.com.my
[@hmetromy](https://twitter.com/hmetromy)
[HarianMetro](https://www.facebook.com/HarianMetro)
[@hmetromy](https://www.instagram.com/hmetromy)
covid-19

SABAH MASIH JUMLAH TERTINGGI

Catat 535 kes daripada 732 kes baharu semalam

Oleh Raja Noraina Raja
Rahim dan Yusmizal Dolah
Aling
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Daripada 732 kes baharu Covid-19 yang direkodkan semalam, Sabah masih mencatatkan jumlah tertinggi dengan 535 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, sehingga 12 tengah hari semalam, keseluruhan kes positif direkodkan di negara ini adalah sebanyak 22,957 kes.

Menurutnya, terdapat enam kes kematian direkodkan dan bilangan kes pulih Covid-19 sebanyak 580 kes menjadikan jumlah kumulatif kes pulih



Selangor mencatatkan pertambahan sebanyak 116 kes dan daripada jumlah itu, 49 kes adalah daripada kluster sedia ada dan 11 kes adalah daripada kluster baharu”

Dr Noor Hisham Abdullah

sepenuhnya dari adalah 14,931 kes.

Menurutnya, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan Covid-19 adalah 7,827 kes dan mereka sudah diasingkan dan diberi rawatan.

“Lebih banyak ujian makmal RT-PCR dapat dijalankan di makmal di negeri Sabah serta

dihantar ke Semenanjung Malaysia. Lebih banyak ujian RTK Antigen juga dijalankan di lapangan,” katanya pada sidang media harian, semalam.

Menurutnya, secara keseluruhan, sebanyak 30 kes (4.1 peratus) semalam adalah daripada Kluster Penjara Seberang Perai, Kluster Penjara Kepayan, Kluster Tembok dan Penjara Reman.

Beliau berkata, Selangor mencatatkan pertambahan sebanyak 116 kes dan daripada jumlah itu, 49 kes adalah daripada kluster sedia ada dan 11 kes adalah daripada kluster baharu.

“Daripada tiga kluster baharu, satu kluster adalah berkaitan dengan sejarah perjalanan pulang dari Sabah,” katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

6

www.hmetro.com.my

@hmetromy

HarianMetro

@hmetromy

covid-19

Semangat jururawat sukarela di Sabah dijangkiti Covid-19 tetap membara

Oleh Redzuan Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kehadirannya secara sukarela untuk bertugas di Klinik Kesihatan Lahad Datu, Sabah namun Siti Nurjannah Abu Bakar, 36, diuji apabila dia disahkan positif Covid-19.

Siti Nurjannah, jururawat Klinik Kesihatan Sitiawan, Perak dihantar bertugas di Lahad Datu dan sanggup berjauhan dengan suami, Mohd Hishamudin Ismail, 36 serta lima anak berusia lima hingga 10 tahun yang berada di Seri Manjung, Perak.

Namun, kecekan wanita itu diuji apabila disahkan positif Covid-19, Ahad lalu selepas menjalani ujian calitan pada 13 Oktober.

Ini menjadikan Siti Nurjannah tidak dapat meneruskan tugas kerana perlu menjalani kuarantin di wad Hospital Lahad Datu sejak Ahad lalu bersama pesakit lain.

Berkongsi pengalamannya, Siti Nurjannah berkata, dia bertugas di Klinik Kesihatan Lahad Datu pada 2 Oktober iaitu sehari selepas tiba di Sabah.

Katanya, skop tugasannya adalah membantu doktor dan pembantu perubatan melakukan saringan kesihatan menerusi ujian calitan (*swab test*) kepada penduduk setempat terutama kawasan yang ada kes positif.

"Dalam sehari, saya bersama pasukan perubatan melakukan saringan hampir 1,000 penduduk.

"Seperti petugas lain, saya

'Doakan saya segera sembuh'



SITI Nurjannah (kanan) bersama rakan setugas.

tidak terkecuali daripada mengikut prosedur operasi standard (SOP) iaitu memakai pakaian perlindungan diri (PPE) lengkap.

"Saya ambil semua langkah melindungi diri termasuk kerap mencuci tangan, tetapi mungkin ketentuan apabila dijangkiti Covid-19," katanya.

Siti Nurjannah mengakui terkejut menerima berita itu, tetapi reda dan menganggap apa yang berlaku sebagai ujian.

"Tiada apa yang saya fikir selepas disahkan positif Covid-19 melainkan mati," katanya.

Namun Siti Nurjannah tidak menyalahkan sesiapa kerana bersedia menghadapi kemungkinan dijangkiti kerana tugasannya yang saban hari terdedah dengan persekitaran dan individu daripada pelbagai latar belakang.

"Orang pertama saya hubungi selepas disahkan positif Covid-19 adalah suami dan dia menanganis sebaik



Kebanyakan kiriman mesej adalah daripada penduduk Sabah yang berterima kasih kerana sanggup datang bertugas di negeri mereka"

Siti Nurjannah



SITI Nurjannah (kiri) dikuarantin di wad Hospital Lahad Datu bersama dua jururawat lain.

mengetahui keadaan saya.

"Namun, dia kembali tenang selepas saya jelaskan kepadanya keadaan dan setiap hari, saya berhubung dengannya menerusi WhatsApp dan panggilan video untuk bertanya khabar.

"Tidak tahu sama ada anak tahu atau tidak mengenai keadaan saya kerana mereka masih kecil cuma saya bersyukur dapat tahu dijangkiti penyakit di sini, bukan selepas pulang ke sana. Sekurang-kurangnya, saya tidak mendedahkan suami dan anak dengan risiko," katanya.

Di sebalik ujian itu, Siti Nurjannah bersyukur kerana banyak menerima sokongan dan kata semangat daripada warganet selepas

berkongsi kisahnya di Facebook.

Katanya, apa diharapkan kini supaya sembuh dan kembali bertugas serta pulang ke pangkuan keluarga.

"Memang terkejut dan tak sangka hantaran di Facebook tular kerana bagi saya, ia sekadar luahan.

"Terima kasih kepada semua rakyat Malaysia yang memberi sokongan dan mendoakan saya. Kebanyakan kiriman mesej adalah daripada penduduk Sabah yang berterima kasih kerana sanggup datang bertugas di negeri mereka.

"Ujian ini tidak membuatkan saya serik menabur bakti kepada masyarakat sebaliknya lebih bersemangat," katanya.



SITI Nurjannah bersama suami dan lima anak mereka.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Lapan kluster baharu dikesan, kata Dr Noor Hisham

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan lapan lagi kluster baharu menjadikan kluster aktif koronavirus (Covid-19) di Malaysia kini berjumlah 96.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, tiga kluster baharu di Sabah dikenali sebagai Kluster Basung, Kluster Inai serta Kluster Tempayan, manakala yang lain terdiri daripada Kluster Long (Selangor), Kluster Melati (Kuala Lumpur), Kluster Cahaya (Selangor), Kluster Bah Kota (Negeri Sembilan) dan Kluster Bina Labuan (Labuan).

Beliau berkata, sebanyak 19 kes dikenal pasti positif Covid-19 dalam Kluster Basung melalui saringan bersasar ke atas individu yang terlibat dengan perniagaan ikan di daerah Kudat.

"Bagi Kluster Inai, kes indeks bagi kluster itu dikenal pasti positif hasil saringan individu bergejala pada 14 Oktober lalu dan dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 di Projek Perumahan Rakyat Taman Ehsan, Kota Belud.

"Saringan kontak rapat telah mengenal pasti tujuh lagi kes positif," katanya pada sidang akhbar perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Berhubung Kluster Tempayan, beliau memberitahu, ia dikenal pasti hasil saringan individu bergejala pada 1 Oktober lalu dan telah dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu.

"Hasil saringan kontak rapat telah mengenal pasti 18 lagi kes positif.

"Bagi Kluster Long, kes indeks (iaitu kes ke-16,746) dikenal pasti hasil saringan individu bergejala pada 12 Oktober dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh di Selangor.

"Hasil saringan kontak rapat mendapati, sejumlah 18 lagi kes positif bagi kluster itu," katanya.

Sementara Kluster Cahaya dikenal pasti positif hasil saringan individu bergejala pada 16 Oktober dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh, manakala hasil saringan kontak rapat mendapati sejumlah 17 kes adalah positif.

Menurut Dr Noor Hisham, bagi Kluster Bah Kota, kes itu dikenal pasti positif hasil saringan individu bergejala pada 14 Oktober.

"Saringan kontak rapat telah mengenal pasti sembilan lagi kes positif, manakala seramai 161 individu masih menunggu keputusan," katanya.

Jelasnya, kluster ketujuh adalah Kluster Melati yang turut dikesan hasil saringan individu bergejala pada 14 Oktober.

Memperincikan perkara itu, beliau berkata, terdapat kluster baharu di Labuan iaitu Kluster Bina Labuan yang dikenal pasti hasil saringan memasuki hospital pada 21 Oktober dan telah meninggal dunia.

"Empat lagi kes dikesan positif hasil saringan kontak rapat, manakala seramai 55 individu masih menunggu keputusan," katanya. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • KHAMIS 22 OKTOBER 2020

MEMERANGI WABAK COVID-19



732 kes baharu, 6 kematian

Sabah menjadi negeri paling tinggi jumlah iaitu 535 kes jangkitan Covid-19

PUTRAJAYA

Selepas beberapa hari berturut-turut merekodkan jumlah kes harian melebihi angka 800, semalam Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaporkan kes positif coronavirus (Covid-19) di negara ini turun sedikit iaitu 732 kes selain enam kematian.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkembangan dalam tempoh 24 jam lepas itu menjadikan angka terkumpul positif Covid-19 di Malaysia berjumlah 22,957 kes dengan kes aktif sebanyak 7,827 kes.

"Daripada jumlah kes hari ini (semalam), sejumlah 724 kes merupakan penularan tempatan dan terdapat lapan kes import yang melibatkan enam

warganegara dan dua rakyat asing.

"Sabah masih menjadi negeri dengan kes jangkitan tertinggi iaitu 535 kes atau 73.1 peratus," katanya pada sidang akhbar perkembangan Covid-19 di Kementerian itu di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata, tempoh 24 jam sehingga tengah hari semalam juga merekodkan sejumlah 580 kes sembuh, menjadikan jumlah kumulatif kes yang pulih sepenuhnya daripada jangkitan Covid-19 sebanyak 14,931 kes atau 65 peratus daripada jumlah keseluruhan jangkitan yang dilaporkan.

Beliau berkata, pada masa ini terdapat 102 kes sedang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 31 orang pesakit memerlukan bantuan pernafasan.

Bagi kes positif mengikut negeri, selain Sabah yang mencatat bilangan kes terbanyak, Selangor merekodkan 114 kes, Kuala Lumpur (20), Pulau



DR NOOR HISHAM

Pinang (12), sementara Negeri Sembilan dan Labuan masing-masing sembilan kes.

Kedah dan Perak pula masing-masing mencatat tujuh kes, Putrajaya (enam), Melaka (tiga), manakala Kelantan dan Pahang masing-masing satu kes.

Mengenai enam kematian baharu, Dr Noor Hisham berkata, lima kes direkodkan di Sabah melibatkan empat rakyat tempatan (tiga lelaki dan seorang wanita) serta seorang lelaki warga asing yang berusia antara 27 dan 55 tahun.

"Satu kematian lagi melibatkan lelaki warganegara direkodkan di Labuan berusia 46 tahun yang dirawat di Hospital Labuan dan mempunyai sejarah penyakit darah tinggi.

"Sehingga kini, jumlah keseluruhan kematian akibat Covid-19 di Malaysia ialah 199 kes atau 0.87 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya. - Bernama

KKM bantu warga Sabah, petugas barisan hadapan

PUTRAJAYA - Menyedari situasi semasa kes coronavirus (Covid-19) di Sabah yang meningkat setiap hari, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempertingkatkan liputan Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) khas melalui Talian Sokongan Psikososial untuk warga Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, talian yang boleh diakses melalui 088-338 088 itu bagi membantu warga Sabah dan pasukan barisan hadapan yang memerlukan sokongan terutamanya dalam keadaan krisis.


"Talian itu untuk bantu mereka yang perlukan khidmat sokongan emosi dan psikologi.

"KKM juga menyediakan perkhidmatan kaunseling kepada anggota barisan hadapan bagi mengenal pasti mereka yang mengalami kelesuan minda.

"Talian Sokongan Psikososial Kebangsaan yang dibangunkan KKM bersama MERCY Malaysia dan agensi lain sejak 25 Mac lalu menerima sebanyak 36,269 panggilan sehingga 19 Oktober," katanya.

Tambahnya, antara isu yang dialami pemanggil adalah keperluan sokongan emosi dan kaunseling (stres, bimbang, marah, murung) sebanyak 50 peratus. - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 25

RUANGAN : NEGERI

Mara ambil tindakan tegas terhadap pembekal makanan jika cuai

JELEBU - Majlis Amanah Rakyat (Mara) akan mengambil tindakan tegas terhadap pembekal makanan jika wujud unsur kecuaiian sehingga menyebabkan 207 pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kuala Klawang, Jelebu mengalami keracunan makanan di sini kelmarin.

Mara dalam satu kenyataan memaklumkan, tindakan itu akan diambil sekiranya terbukti wujud kecuaiian mereka dalam menyediakan makanan bermasak selain kegagalan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dalam penyediaannya.

Menurutnya, Mara memandang serius kejadian berkenaan dan sedang menyasiat bagi mengenal pasti punca berlakunya kejadian itu.

“Mara juga mengikuti arahan Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu untuk menutup Dewan Selera MRSM Kuala Klawang selama dua minggu bagi proses pembersihan dan siasatan selanjutnya.

“Bagi memastikan kebajikan dan keperluan pelajar dapat dipenuhi sepanjang tempoh penggantungan ini, perkhidmatan penyediaan makanan sementara akan dilaksana oleh pembekal perkhidmatan makanan berma-



Pelajar MRSM Kuala Klawang yang dimasukkan ke Hospital Jelebu kelmarin akibat keracunan makanan.

sak yang lain,” kata kenyataan itu di sini semalam.

Menurut kenyataan itu, Mara dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah Jelebu akan terus memantau situasi berkenaan secara berterusan bagi memastikan keadaan kesihatan dan kebajikan pelajar diberi perhatian dan dalam keadaan terkawal.

“Sehubungan itu, Mara meminta agar ibu bapa agar tidak perlu bimbang dan sentiasa berhubung dengan pihak pengurusan MRSM untuk mendapatkan maklumat lanjut,” katanya.

Semalam *Sinar Harian* melaporkan seramai empat daripada 207 pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kuala Klawang yang mengalami keracunan makanan sejak awal pagi kelmarin dimasukkan ke Hospital Jelebu.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

4 | **Negara!**



Covid-19 #kitamestimenang

Kosmo/ KHAMIS 22 OKTOBER 2020

Negara turut rekodkan enam lagi kematian di Sabah dan Labuan

732 kes harian, lapan kluster baharu

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Sebanyak 732 kes Covid-19 dilaporkan semalam selain turut disumbangkan daripada lapan kluster baharu menjadikan jumlah kes positif di seluruh negara sebanyak 22,957 kes.

Negara turut merekodkan sebanyak enam kematian baharu di Sabah dan Labuan termasuk seorang daripadanya warga asing sekali gus sebanyak 199 kes dilaporkan sehingga kini.

Sabah masih merekodkan kes tertinggi dengan 535 kes atau 73.1 peratus daripada jumlah keseluruhan kes diikuti Selangor sebanyak 116 termasuk dua kes import dan Kuala Lumpur (20) serta Putrajaya (enam).

Sebanyak 4.1 peratus atau 30 kes adalah daripada Kluster Penjara Seberang Perai, Kluster Penjara Kepayan, Kluster Tembok dan Penjara Reman.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, satu daripada lapan kluster baharu ialah Kluster Basung membabitkan sebuah jeti nelayan di daerah Kudat, Sabah dengan 19 kes positif selepas saringan bersasar dibuat terhadap 174 individu.

"Mereka ini terlibat dengan perniagaan ikan di daerah tersebut dan daripada saringan dijalankan, 148 individu adalah negatif dan tujuh individu masih menunggu keputusan," katanya pada sidang akhbar semalam.

Beliau berkata, Kluster Inai pula turut melibatkan daerah Kudat dengan kes indeks yang



AMBULANS membawa pesakit Covid-19 dari Kompleks Penjara Seberang Perai, Jawi di Seberang Perai Selatan ke hospital semalam. – AMIR IRSYAD OMAR

dikenal pasti positif hasil saringan individu bergejala pada 14 Oktober dan telah dimasukkan ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) di PPR Taman Ehsan, Kota Belud.

Katanya, tujuh lagi kes positif kemudian dikenal pasti hasil saringan kontak rapat terhadap 92 individu.

"Seterusnya Kluster Tempayan melibatkan daerah Kota

Kinabalu dan Penampang dengan kes indeks dikenal pasti hasil saringan bergejala pada 1 Oktober dan telah dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth.

"Sejumlah 18 lagi dikesan positif hasil saringan terhadap 21 individu manakala satu lagi masih menunggu keputusan," katanya.

Noor Hisham berkata, Kluster Long pula melibatkan daerah

Hulu Langat, Selangor, manakala Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong di Kuala Lumpur dengan kes indeks dikenal pasti positif hasil saringan individu bergejala pada 12 Oktober serta telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

Katanya, susulan itu, 18 individu dikesan positif selepas saringan terhadap 301 individu, manakala 23 lagi masih menunggu keputusan.

"Selain itu, Kluster Cahaya melibatkan daerah Petaling di Selangor dan daerah Tampin di Negeri Sembilan dengan kes indeks dikenal pasti positif hasil saringan individu bergejala pada 16 Oktober dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

"Berikutan itu, 17 lagi dikesan positif hasil saringan terhadap 84 individu, manakala 63 lagi masih menunggu keputusan," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kluster seterusnya ialah Kluster Bah Kota melibatkan daerah Sepang, Selangor dan Seremban, Negeri Sembilan iaitu kes indeks hasil saringan bergejala pada 14 Oktober juga telah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

"Saringan kontak rapat terhadap 171 individu mengenal pasti sembilan lagi kes positif manakala 161 individu masih menunggu keputusan.

"Kluster Melati pula melibatkan daerah Titiwangsa dan Klang yang melibatkan kes indeks hasil saringan individu bergejala pada 14 Oktober dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

"Justeru, lapan lagi kes dike-

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	732
• Import: 8	Tempatan: 724
• Pullih	580
• Kematian	6
• Masih dirawat	7,827
• Jumlah kes sembuh	14,931
• Jumlah Kematian	199
Jumlah kes keseluruhan	22,957

nal pasti positif selepas saringan terhadap 24 individu, manakala 15 lagi masih menunggu keputusan," katanya.

Tambah beliau, kluster baharu seterusnya ialah Kluster Bina Labuan di Labuan melibatkan kes indeks hasil saringan kemasukan hospital pada 21 Oktober dan meninggal dunia pada hari yang sama di Hospital Labuan.

Katanya, empat lagi kes positif Covid-19 dikenal pasti hasil saringan kontak rapat terhadap 60 individu, manakala 55 individu masih menunggu keputusan.

Berhubung kes import, beliau berkata, lapan kes dikesan melibatkan enam warganegara dan dua warga asing.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 16
 RUANGAN : NEGARA

Selebriti perlu jujur iklan produk

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan meminta selebriti tanah air supaya lebih bertanggungjawab apabila mempromosi dan mengiklankan produk kesihatan kepada orang awam.

Menerusi hantaran di Facebook, kementerian memaklumkan, selebriti perlu mempunyai tanggungjawab sosial bagi memastikan pengiklanan produk dibuat secara telus dan jujur serta mematuhi undang-undang.

"Pengaruh iklan dan promosi memberi kesan kepada pengguna yang kemudiannya terpengaruh membeli produk hasil pengiklanan yang dibuat oleh seseorang selebriti.

"Sesiapa sahaja boleh menjadi selebriti, daripada artis, pelakon, agamawan hingga ke blogger dan instafamous. Tidak dinafikan selebriti mempunyai pengaruh yang kuat dalam komuniti kita," katanya di sini semalam.

Katanya, selebriti ditegah daripada mengiklankan ubat yang tidak berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah termasuk ubat yang memerlukan preskripsi dan makanan serta kosmetik yang membuat tuntutan perubatan.

Sebagai contoh, katanya, selebriti tidak boleh membuat pernyataan perubatan kononnya produk makanan yang dipromosikan boleh merawat kencing manis, darah tinggi, sakit-sakit sendi, arthritis dan bengkak prostat.



KERATAN Kosmo! semalam.

Selain itu, selebriti turut dilarang membuat tuntutan perubatan bahawa produk kosmetik yang diiklankan mampu merawat sakit kulit, sakit sendi, kuruskan badan dan meningkatkan prestasi seksual.

Dalam pada itu, selebriti turut dilarang mengaitkan produk dengan makanan sunnah atau yang berkaitan dengannya seperti mempromosikan produk yang dibacakan ayat al-Quran dan makanan sunnah.

Sementara itu, kementerian turut menyenaraikan larangan pengiklanan produk yang berkaitan dengan 20 penyakit antaranya buah pinggang, jantung dan kencing manis.

"Justeru, selebriti dinasihatkan supaya selidik latar belakang syarikat sebelum dilantik sebagai ejen atau duta," jelasnya.

Katanya, mana-mana yang mengambil bahagian dalam penyiaran sesuatu iklan dan jika sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 5, Akta Ubat (Iklan dan Penjualan 1956).

Bagi kesalahan pertama, denda tidak lebih RM3,000 atau penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : COVID-19

Dalam Negeri

Covid-19 

6 lagi kematian, 8 kluster baharu

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
maisarah.rahim@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Kes positif Covid-19 masih mencatatkan jumlah yang tinggi walaupun menurun sedikit berbanding kelmarin dengan 732 kes direkodkan dengan enam lagi kematian, selain pertambahan lapan kluster baharu, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, ia menjadikan jumlah keseluruhan kes yang

dicatatkan di negara ini berjumlah 22,957 kes dengan kes aktif kebolehhangkitan adalah 7,827 kes.

Menurut beliau, Sabah masih merekodkan kes tertinggi iaitu sebanyak 535 kes diikuti Selangor dengan 116 kes selain 30 kes dicatatkan daripada kluster-kluster di penjara serta tiga lagi kes melibatkan pengunjung pulang dari Sabah, sekali gus mengumpul 454 kes berkaitan sejak 20 September lalu.

Katanya, lapan kluster yang

direkodkan pula ialah Kluster Basung di Kudat (19 kes), Kluster Inai (Kudat) (lapan kes), Kluster Tempayan di Kota Kinabalu dan Penampang (19 kes); dan Kluster Bina di Labuan (lima kes).

Selain itu katanya, Kluster Long di Hulu Langat, Titiwangsa, Lembah Pantai, Kepong (18 kes), Kluster Cahaya di Petaling, dan Tampin (18 kes), Kluster Bah Kota di Sepang dan Seremban (10 kes), dan Kluster Melati di Titiwangsa, serta Klang (sembilan kes).

Pada masa ini katanya, sebanyak 93 kluster masih aktif dengan 28 kluster ada pertambahan kes manakala 108 kluster sudah ditamatkan termasuk satu kluster semalam iaitu kluster Udin di Tawau.

"Di Sabah, daripada 535 kes, 254 kes adalah hasil saringan kontak rapat, 64 kes daripada kluster-kluster sedia ada selain kes-kes daripada kluster baharu. Di Selangor pula, daripada 114 kes yang dicatatkan, 49 kes daripada kluster-kluster sedia

ada dan pertambahan dalam kluster-kluster baharu itu.

"Di Kuala Lumpur mencatatkan 20 kes, Pulau Pinang (12 kes), Negeri Sembilan dan Labuan (sembilan kes), Kedah dan Perak (tujuh kes), Putrajaya (enam kes), Melaka (tiga kes), manakala Kelantan dan Pahang satu kes," katanya dalam sidang akhbar di sini semalam.

Noor Hisham memberitahu, daripada enam kes kematian itu, satu kematian direkodkan di Labuan dan selebihnya di Sabah.

AKHBAR : NEWS STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : NEWS / STORY OF THE DAY

THURSDAY, OCTOBER 22, 2020 . *NewStraitsTimes*

NEWS / *Story of the Day*

BATTLING PANDEMIC

THE VIRUS DID NOT BREAK MY SPIRIT, SAYS FRONTLINER

Doctor and three others speak about their struggles, which include loneliness, fear

ESTHER LANDAU
 AND DHESEGAAN BALAKRISHNAN
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

EXHAUSTION, frustration, despair and longing to be with family members back home are among the challenges faced by frontliners in their battle against the Covid-19 pandemic.

Some of them were even infected with the virus while on duty.

Semporna Hospital's Dr Saraswathy Subramaniam is among some of the healthcare workers who contracted it.

"One day, I was a doctor and the next day, I became a patient at the very same ward where I work.

"But the virus did not break my spirit. I prepared for the worst when I was deployed from Tawau Hospital's Emergency and Trauma Department to Semporna Hospital," she told the *New Straits Times*.

Dr Saraswathy was discharged on Oct 15, and the undeterred doctor resumed her duties last Tuesday.

"Frontliners are ready to serve the public. All we ask for is their cooperation so that we can break the infection chain once and for all.

"Sometimes, some patients lie to us when we ask them whether they have come in close contact with other Covid-19 positive cases.

"Some go missing when we tell them to wait for their swab test results. Our job is challenging and exhausting," she said, adding that she urged the public to come clean about their close contact details and travel history, as well

as adhere to the standard operating procedures (SOP).

A medical laboratory technologist in a hospital in Kelantan, who wanted to be known only as Nor Asriah, 27, said she missed her family in Sandakan.

"My team and I are assigned to conduct diagnostic tests in the laboratory to rule out any possible disease taken from the swab samples.

"It is tiring as we work on the samples manually. We need to focus on the tasks at hand. We can't eat, drink, be sleepy or take a break. We are talking about people's lives here.

"Once we take off our PPE (personal protective equipment), we will have to wear a new one. We will spend about five hours in the laboratory, but it can be longer if we have to process a huge number of samples," she said.

Nor Asriah said there was an instance when her team had to handle more than 100 swab samples.

She said on average her team would handle between 60 and 70 samples per day.

Wearing the PPE, she said, was not easy as it made her feel claustrophobic.

Azizah Omar, who is an assistant nurse manager at Gleneagles Kuala Lumpur here, said she handled the management of Person Under Investigation cases.

The 32-year-old said among her responsibilities was ensuring the safety of her patients, colleagues and the housekeeping staff.

"Whenever I return home, I always fear for the safety of my children. People are constantly talking about the pandemic. It stresses me out. I see how helpless some of the patients are and the ordeals that their families had to endure.

"To cope with the stress, my colleagues and I rely on each other for emotional support. We constantly lift each other's spirits and are there for each other when things get tough."

Despite the challenges, she felt proud to serve the country.



Dr Saraswathy Subramaniam (seated, in red T-shirt) doing community service before she was infected with the Covid-19 virus in Sabah.

An assistant environmental health officer in the Sarawak Health Department, Rennie Wrendy Hillary, 34, said his job was to ensure that the public complied with the SOP.

"Dealing with people can be hard. There are days when I am exhausted, frustrated, and sad, but we have to handle everyone professionally. I usually wake up early for work and finish late at night to make sure everybody is safe."

He recalled how he was required to be on duty far away from his family for a few weeks.

"It was difficult to leave them not knowing if I would expose them to danger when I saw them again. But this is my responsibility."

"All I can do is pray the pandemic will end soon and that everybody is safe," he said.

Malaysian Public Health Physicians Association president Datuk Dr Zainal Ariffin Omar reminded the public not to let their guard down at this crucial point.

"The fight against Covid-19 is akin to a marathon. We are not sure when we will win, or when it will be over.

"Until then, don't let our guard down and remain vigilant and resilient. Adhere to the SOP and the new norms at all times."

AKHBAR : NEWS STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS / NATION

NewStraitsTimes . THURSDAY, OCTOBER 22, 2020

4

NEWS / Nation

FIGHTING COVID-19

PRISON, LOCK-UP S.O.P. TO BE REVIEWED

Ministry aims to prevent virus spread in jails, immigration detention centres and police lock-ups

HANA NAZ HARUN
AND TEOH PEI YING
PUTRAJAYA
news@nst.com.my

THE Health Ministry is in discussion with the Prisons Department to review its standard operating procedures (SOP) to prevent the spread of Covid-19.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the ministry was also reviewing the SOP at Immigration detention centres and district police headquarters lock-ups.

At a press conference yesterday, he said several factors could lead to the rapid spread of the virus in prisons and lock-ups.

He said the infection could start when inmates were brought out for case mention or when they stay overnight at places such as the district police headquarters.

"When they go back to the prison, not only are the inmates at risk, those who escort them could be infected too.

"The virus may also be brought in by prison staff or visitors. We're not very sure about this, but what is certain is that prisoners are a high-risk group as they are in a confined space."

He said one SOP being reviewed was the separation of new inmates from existing ones.

"New inmates will be tested and isolated for 14 days. Their results may be negative on the first test, but later positive on the 13th day, for example.

"As for visitation, we need to ensure visitors comply with the SOP. Prison staff must wear Personal Protective Equipment."

On the infectivity rate, or R naught (RO), in Sabah, Dr Noor Hisham said it had improved to 1.3 following the implementation of the Conditional Movement Control Order (CMCO) in the state.

Other states showed progress as well, with Selangor at 1.4 and Kedah at 0.7.

"In Kedah, the RO takes into account positive cases from prisons. If we exclude them, the number will probably be lower.



Penang Remand Prison staff receiving food contributions from members of the public in George Town yesterday. BERNAMA PIC

"Whatever that's being done in Kedah is exactly what we are going to do in Sabah.

"We are seeing benefits from isolating positive cases and close contacts, as well as vigorously conducting surveillance.

He said the country's RO, which was at 2.2 at the start of the third wave, was now at 1.2.

The ministry detected eight new Covid-19 clusters, with three in Sabah — Basung and Inai clusters in Kudat district and the Tempayan cluster in Kota Kinabalu and Penampang.

Dr Noor Hisham said the Basung cluster, with 19 cases, involved a fishing jetty in Kudat.

"The cluster was detected after targeted screening on those involved in fishery trading.

"For the Inai cluster, the index case, Case 17,773, was identified during symptomatic cases screenings on Oct 14."

He said the patient had been admitted to the PPR Taman Ehsan quarantine and low-risk centre in Kota Belud.

The Tempayan cluster had 19 cases up to noon yesterday, with 21 tests conducted.

The index case, Case 11,619, who is receiving treatment at Queen Elizabeth Hospital in Kota Kinabalu, was identified during symptomatic cases screenings on Oct 1.

The index cases for four other clusters — Long, Cahaya, Bah Kota and Melati — were also identified during symptomatic cases screenings.

The Long cluster involves the Hulu Langat district in Selangor and Titiwangsa, Lembah Pantai, and Kepong districts in Kuala

Lumpur. The Cahaya cluster was detected in Petaling, Selangor, and Tampin, Negri Sembilan.

The Bah Kota cluster was reported in Sepang, Selangor, and Seremban, Negri Sembilan.

The Melati cluster involves Titiwangsa, Kuala Lumpur and Klang, Selangor.

The Bina Labuan cluster in Labuan was detected during hospital pre-admission screening yesterday. The patient died on the same day at Labuan Hospital.

The number of new Covid-19 cases fell for the fourth day in a row, recording 732 up to noon yesterday.

Only eight were imported cases, involving arrivals from Singapore, Nepal, the United Arab Emirates, the United States, the United Kingdom and France.

Sabah had the most new cases, at 535 cases, or 73.1 per cent of the total. Selangor had 114 new local transmissions, with 11 infections linked to three new clusters.

Kuala Lumpur registered 20 cases, while Penang logged 12.

States that recorded single-digit cases are Negri Sembilan and Labuan (nine), Kedah and Perak (seven) and Putrajaya (six). Melaka had three cases, while Kelantan and Pahang had one each.

A total of 102 patients are warded in the Intensive Care Unit, with 31 needing ventilators.

Dr Noor Hisham said 580 more patients had been discharged, bringing the total number of recoveries to 14,931, or 65 per cent.

He said six more fatalities were recorded — five in Sabah and one in Labuan. This increased the total death toll to 199.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NATION

New cases drop to below 800, including 535 in Sabah

PUTRAJAYA: The number of new Covid-19 cases dropped slightly to 732 after being above the 800 mark for the past four days, says Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The Health director-general said the bulk continued to come from Sabah with 535 new infections or 73.1% of the total cases recorded yesterday.

This was followed by Selangor with 116 cases.

"Sabah still has more cases as results for Covid-19 tests were able to be produced at labs in the state, as well as those sent to Peninsular Malaysia.

"There are also more rapid test kits that could be conducted at the field.

"Selangor is second with 15.8% of the cases, out of which 49 are from existing clusters while 11 cases are from new clusters.

"Out of the three new clusters in Selangor, one is related to a person with a travel history to Sabah," he said in a press conference.

Dr Noor Hisham also said that six new Covid-19 deaths - five in Sabah

and one in Labuan - were recorded, bringing the total fatalities to 199 people.

A total of 580 patients have recovered and discharged over the past 24 hours but active cases in the country have gone up to 7,827.

Currently, 102 people are being treated in intensive care with 31 of them requiring ventilator support.

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

Number of new cases drop by 130

BY ALISHA NUR MOHD NOOR
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Malaysia reported 732 new Covid-19 cases yesterday, down from 862 the day before. There were six new fatalities.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said of the new cases, 724 were locally transmitted.

The additional cases bring the national tally to 22,957, with the death toll now at 199.

Sabah continues to record a large number of cases, with 535 new infections yesterday.

Selangor recorded 114 confirmed cases followed by Kuala Lumpur with 20 and Penang with 12.

Negri Sembilan had nine new cases, while Labuan, Kedah and Perak had seven each. There were six new cases in Putrajaya, three in Malacca and one in Kelantan.

Noor Hisham also announced in his daily press conference yesterday that the ministry

had identified eight new clusters, bringing the total active clusters to 28.

Three of the new clusters are in Sabah, which are Basung and Inai in the district of Kudat and Tempayan covering the Kota Kinabalu and Penampang districts.

In the peninsular, the Long cluster affects Hulu Langat in Selangor as well as Titiwangsa, Lembah Pantai and Kepong in Kuala Lumpur.

Another cluster, Cahaya, was found in the Petaling district in Selangor and Tampin in Negri Sembilan.

The sixth cluster, Bah Kota, is active in Sepang in Selangor and Seremban in Negri Sembilan.

Melai, the seventh cluster, is present in Titiwangsa in Kuala Lumpur and Klang in Selangor. The eighth is the Bina Labuan cluster in Labuan.

Of the six new fatalities, five were Malaysians. All of them, aged 27 to 71, were

from Labuan and Sabah.

Meanwhile, 580 patients were discharged yesterday, bringing the total number of recoveries to 14,931.

There are 7,827 active cases, with 102 in intensive care and 31 requiring ventilator assistance.

Noor Hisham said the R Nought (Rt) has improved since the conditional movement control order was enforced, dropping from 2.2Rt to 1.2Rt yesterday.

Selangor had the highest Rt at 1.4 followed closely by Sabah at 1.3 and Kedah at 0.7Rt.

Noor Hisham noted the measures taken in Kedah had successfully contained the outbreak, with the same measures to be implemented in Sabah. "We are seeing some positive signs," he said.

However, there were some asymptomatic patients, or those with mild symptoms who refused to be admitted to hospital or to be diagnosed.